

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 FEBRUARY 2017

Guan Eng akui tidak minat kerana pernah disumbat ke penjara

Kerjasama DAP-Dr. M terpaksa

Oleh SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 FEB.

SETIAUSAHA Agung DAP yang masih belum disahkan jawatan, Lim Guan Eng mengaku kerjasama yang dijalin dengan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah semata-mata kerana terpaksa.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu sebenarnya tidak berminat untuk menjalin kerjasama tersebut memandangkan bekas Perdana Menteri itu pernah menyumbat beliau serta bapanya yang merupakan Penasihat DAP, Lim Kit Siang ke dalam penjara sebanyak dua kali.

“Kalau dia tidak syok DAP bekerjasama dengan Dr. Mahathir,



Saya jawab, betul, beliau tangkap bapa saya dua kali, tapi beliau bukan sahaja tangkap bapa saya, beliau juga tangkap saya dua kali. Anda ingat saya boleh lupakah.”

LIM GUAN ENG

Ketua Menteri Pulau Pinang

saya lagi tidak syok. Mengapa? Kerana sebenarnya ada orang tanya bagaimana saya boleh bekerjasama dengan Dr. Mahathir bila beliau tangkap Kit Siang dua kali.

“Saya jawab, betul, beliau tangkap bapa saya dua kali, tapi beliau

UM-16/2/2017
bukan sahaja tangkap bapa saya, beliau juga tangkap saya dua kali. Anda ingat saya boleh lupakah,” katanya seperti dipetik dalam laporan *Buletin Utama TV3* hari ini.

Beliau berkata demikian di hadapan kira-kira 200 ahli DAP Melaka dalam satu perjumpaan di pejabat parti itu di Banda Hilir malam tadi.

Empat wakil rakyat di Melaka iaitu Ahli Parlimen Kota Melaka, Sim Tong Him; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bachang, Lim Jak Wong; ADUN Kesidang, Chin Choong Seong dan ADUN Duyong, Goh Leong San bertindak keluar DAP pada Ahad lalu kerana kecewa dan hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Guan Eng yang dianggap gagal mengendalikan isu-isu dalaman dan luaran parti.

Guan Eng menjelaskan, DAP

terpaksa bekerjasama dengan Dr. Mahathir kerana masing-masing kini mempunyai matlamat serupa untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada.

Berikutan itu, beliau terpaksa mengetepikan rasa tidak puas hati terhadap Dr. Mahathir yang didakwanya banyak melakukan kesilapan sepanjang menjadi Perdana Menteri.

“Kadangkala kita kena ketepikan perasaan tidak puas hati kerana kita kena ada hati untuk Malaysia, untuk menyelamatkan Malaysia.

“Dr. Mahathir ada salah ketika beliau jadi Perdana Menteri, kita pun tahu, kita tidak setuju banyak benda yang beliau buat masa jadi Perdana Menteri. Tetapi ada satu perkara, Dr. Mahathir cakap beliau keluar UMNO kerana mahu menyelamatkan Malaysia,” jelas beliau.